

MPKu **PERDANA**

PERBANDARAN CEMERLANG SEJAHTERA SEMUA

Akhbar Pertama MPKu



Untuk Edaran Jabatan Sahaja

Local Agenda 21



www.mpkulai.gov.my



[mpku_official](#)



019 758 2828



Majlis Perbandaran Kulai



[mpkulai](#)



Kulai TV



mpku@mpku.gov.my
aduan.mpkulai@johor.gov.my

EDISI 2/2025
PERCUMA



VISIT JOHOR 2026



PERUTUSAN YANG DIPERTUA Majlis Perbandaran Kulai

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Maju Johor & Salam Malaysia Madani.

Saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat-Nya serta tahniah kepada sidang redaksi yang berjaya menerbitkan Akhbar Perdana edisi kedua 2025. Dengan penuh sukacita, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada warga Kulai dan Bangsa Johor.

Sepanjang 2025, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mencatat kejayaan melalui pelbagai program pembangunan. Antaranya, Anugerah Bandar Rendah Karbon, Anugerah Rakan Strategik Rendah Karbon, serta *Merit Award* dalam pembentangan *AI-enabled Smart City Proposal* anjuran Smart Cities Network (SCN). Selaras Rancangan Tempatan Kulai 2035, fokus pembangunan adalah menjadikan Kulai sebagai Hab Pengangkutan dan Ekonomi Serantau di Wilayah Selatan.

Warga kerja MPKu terus beriltizam menggembeling usaha di bawah kepimpinan YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, dengan sokongan YB Dato' Haji Asman Shah Bin Abd. Rahman, Setiausaha Kerajaan Johor, serta komitmen YB Dato' Hj. Mohd Jafni bin Md Shukor dan Tuan Fizwan bin Dato' Hj. Mohd Rashidi.

Seiring aspirasi negeri, kita menyahut Belanjawan Johor 2026 bertema Bangsa Johor Sejahtera dengan fokus Agenda Maju Johor 2030. Tahun ini juga menyaksikan Visit Johor 2026 yang bakal melonjakkan sektor pelancongan di Kulai.

Edaran Akhbar Perdana menjadi wadah mempromosi dasar dan perancangan daerah. Kejayaan menuntut budaya kerja inovatif, berintegriti, pantas dan profesional. Terima kasih atas sokongan seluruh warga MPKu termasuk Ahli Majlis dalam menjayakan program sepanjang 2025.

Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Hafiz bin Aliman,
Yang Dipertua MPKu

KATA ALU-ALUAN

SETIAUSAHA

Majlis Perbandaran Kulai

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Ucapan ribuan penghargaan dan syabas di atas penerbitan Akhbar Perdana Majlis Perbandaran Kulai edisi kedua 2025 ini, terutama kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang telah memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan pelbagai program yang telah dijalankan sepanjang penggal pertama tahun 2025. Perancangan kerja yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya terutama melibatkan projek pembangunan daerah dalam memfokuskan kepada warga Kulai mendapat manfaat yang berterusan. Dasar keprihatinan serta semangat kerjasama yang dipamerkan oleh warga kerja Majlis Perbandaran Kulai, bermula dari peringkat pengurusan tertinggi hingga ke peringkat pelaksana, merupakan tunjang utama kepada kelancaran tadbir urus yang berkesan dan menjadi pemangkin kepada kelancaran perancangan Daerah Kulai. Semoga usaha, komitmen dan keprihatinan seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kulai terus cemerlang dalam membudayakan amalan kerja yang profesional dan berintegriti. Diharapkan juga agar jalinan kerjasama serta komunikasi yang baik ini dapat terus diperkukuh, seterusnya segala usaha dan pengorbanan warga kerja MPKu diberkati dengan keredaan serta rahmat daripada-Nya.

Sekian, Terima Kasih.

Tuan Haji Ts. Azmee bin Awang K.B.;P.A.,
Setiausaha MPKu



Bas Percuma PAJ Beri Manfaat Kepada Penduduk Inas - Bandar Tenggara

▲ **YB Dato' Haji Mohd Jafni** (dua dari kiri) bersama **Tuan Mohd Hafiz** (kiri) mencuba sendiri menaiki bas percuma PAJ menuju ke SMK Bandar Tenggara



▲ **YB Dato' Mohd Jafni** berkesempatan beramah mesra bersama pelajar-pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas percuma ini

KULAI, 15 Ogos 2025: Satu lawatan menaiki Bas Percuma Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) telah diadakan bersama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama para pelajar Felda Inas menuju ke SMK Bandar

Tenggara 1, SMK Bandar Tenggara 2 dan SMK Seri Pinang.

Program ini merupakan hasil kerjasama antara PAJ, Pejabat Daerah Kulai dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) sebagai langkah proaktif susulan insiden kemalangan maut di Jalan Inas, Bandar Tenggara baru-baru ini.

Perkhidmatan bas percuma bukan sahaja menjadi pengangkutan utama pelajar, malah turut mengurangkan beban kewangan ibu bapa, menjamin keselamatan anak-anak serta memberi manfaat kepada penduduk sekitar. Laluan ini turut meliputi kawasan Felda Taib Andak dan berakhir di Terminal Kulai.

Turut hadir dalam program ialah Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman; Setiausaha MPKu, Yang Berusaha Tuan Hj Ts. Azmee bin Awang; Ketua WHIP MPKu, Tuan Mohd Fadil bin Misnan; serta Ketua-ketua Jabatan MPKu.



Jualan Rahmah Madani Ringankan Beban Rakyat di Kulai

KULAI, 29 Julai 2025: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah menganjurkan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di Pasar Awam Kulai. Program ini turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman.

Dalam program tersebut, beliau berkesempatan menyantuni para peniaga

pasar awam yang menyertai PJRM. Inisiatif ini bertujuan membantu masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah, dengan menyediakan barangan keperluan harian pada harga lebih mampu milik. Penjimatan yang ditawarkan adalah antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat, sekali gus meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Selain memberi manfaat kepada pengguna, PJRM juga membuka peluang kepada 14 peniaga pasar awam untuk meningkatkan jualan dan pendapatan mereka. Penyertaan ini bukan sahaja menggalakkan peniaga tempatan, malah memperkukuh ekosistem perniagaan di kawasan Kulai dengan sokongan langsung daripada pihak berkuasa tempatan dan kementerian.

Turut hadir ialah Pengarah KPDN Negeri Johor, Puan Lilis Saslinda binti Pornomo; Setiausaha MPKu, Yang Berusaha Tuan Hj. Ts. Azmee bin Awang; Ketua Ahli MPKu, Tuan Mohd Fadil bin Misnan; serta Ahli Majlis Zon Kg. Melayu, Haji Nazlie bin Abdul Razak. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen bersama dalam memastikan program ini memberi impak positif kepada masyarakat dan peniaga setempat.



▲ Program ini bukan sahaja membantu rakyat Kulai, malah dapat meningkatkan jualan peniaga-peniaga di Pasar Awam Kulai

▲ Tuan Mohd Hafiz menyampaikan cenderahati kepada peniaga-peniaga di Pasar Awam Kulai

14 penyertaan peniaga

10%-30% penurunan harga



▲ Tuan Mohd Hafiz berkesempatan melawat kebun kejiranan Taman Dawani yang diusahakan dengan penanaman pelbagai jenis sayuran



Yang Dipertua MPKu Santuni Masyarakat Senai

SENAI, 18 November 2025: Semarak turun padang terus dirasai apabila Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, berkesempatan menyantuni masyarakat di Zon Pekan Senai dan Zon Taman Aman dalam satu siri lawatan penuh bermakna.

Di Zon Pekan Senai, beliau disambut mesra oleh Ahli Majlis, Encik Wong Pow Kyan, yang mengiringi kunjungan ke kebun kejiranan Taman Dawani. Lawatan ini bukan sekadar meninjau, tetapi membuka ruang beramah mesra bersama masyarakat sambil menilai potensi kawasan yang semakin berkembang.

Rentetan itu, di Zon Taman Aman, Tuan Haji Mohd Nor bin Nari selaku Ahli

Majlis turut serta bersama Tuan YDP bagi meninjau kemudahan Dobi Sejati Madani yang bakal beroperasi hasil peruntukan kerajaan. Kemudahan ini dijangka menjadi pemangkin kepada usahawan tempatan, sekali gus memberi manfaat besar kepada penduduk setempat.

Kunjungan turun padang ini memperlihatkan komitmen berterusan MPKu dalam memastikan setiap perancangan dan pembangunan di kawasan perbandaran benar-benar memberi impak langsung kepada masyarakat. Usaha sebegini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara pihak majlis dan penduduk, malah menjamin setiap suara komuniti didengar serta diambil tindakan sewajarnya.

Lawatan Kerja Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor Melabuhkan Tirai di Kulai



▲ YB Dato' Haji Asman mencuba sukan footgolf

▲ Tuan Mohd Hafiz (empat dari kiri), Tuan Haji Ts. Azmee (tiga dari kanan), dan Y.Bhg Tuan Fizwan (empat dari kanan) bergambar kenangan bersama YB Dato' Haji Asman Shah (tengah) dan penerima hadiah pertandingan

KULAI, 24 September 2025: Daerah Kulai menjadi pentas terakhir penuh gemilang apabila Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman, Setiausaha Kerajaan Johor, melabuhkan tirai lawatan kerja beliau ke seluruh daerah Negeri Johor. Ketibaan beliau bersama rombongan disambut penuh hormat oleh Yang Berbahagia Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai, serta Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai. Kehadiran ini bukan sekadar kunjungan rasmi, tetapi menjadi simbol

eratnya hubungan antara pentadbiran negeri dan daerah, menyemarakkan semangat kebersamaan warga pentadbiran.

Lawatan kali ini tampil dengan pengisian yang meriah – dari FootGolf di Hutan Bandar MPKu, pertandingan Gel Blaster Shooting Target hingga permainan tradisional Capteh yang mencuit nostalgia. Turut mencuri perhatian ialah Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi PUSPANITA Johor, yang meninjau hasil kreatif Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Demonstrasi pembuatan

kuih ros, tempe, otak-otak, kuih ketayap, mencanting batik, kukur kelapa serta aktiviti "Experience Like Barista" menjadikan suasana lebih meriah.

Dato' Setiausaha Kerajaan Johor turut menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf, di samping menyerahkan geran sumbangan kepada Pegawai Daerah dan PUSPANITA Cawangan Daerah Kulai sebagai tanda sokongan padu terhadap inisiatif tempatan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan-Timbalan Setiausaha Kerajaan, Pegawai-Pegawai

Daerah, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai Tadbir Negeri Johor serta para Penghulu Mukim.

Daerah Kulai menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman serta delegasi atas kesudian mengadakan lawatan rasmi. Lawatan ini bukan sekadar acara, tetapi satu catatan bermakna dalam usaha memperkukuh pentadbiran negeri dan daerah, menjadikan Johor terus teguh di bawah kepimpinan yang berwawasan.



▲ Tuan Mohd Hafiz (tengah) bersama-sama Ahli-ahli Majlis dan warga kerja MPKu melaungkan kata-kata semangat bagi menyatakan kesatuan hati dan komitmen mereka dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab

GUNUNG PULAI, 29 September 2025: Majlis Perhimpunan Jalinan Mesra Warga Kakitangan MPKu 2025 berlangsung penuh meriah, menyatukan warga kerja Majlis Perbandaran Kulai dalam suasana santai yang sarat dengan kebersamaan. Kehadiran Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, menyerikan majlis yang bertujuan mengukuhkan silaturahmi serta memupuk semangat setiakawan dalam kalangan kakitangan. Atur cara dimulakan dengan bacaan doa, diikuti nyanyian lagu Bangsa

Johor, Negaraku dan lagu rasmi MPKu.

Dalam ucapan pembukaan, Yang Dipertua memulakan dengan doa dan selawat, sebelum merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan yang hadir. Beliau menekankan nilai amanah dan tanggungjawab warga kerja terhadap organisasi, sambil mengucapkan tahniah atas komitmen dalam menjayakan pelbagai program serta tugas rasmi MPKu.

Majlis diteruskan dengan aktiviti riadah dan lawatan santai bersama pengurusan

tertinggi serta Ahli Majlis ke kawasan sekitar Gunung Pulai. Aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, malah menjadi simbolik kepada semangat kerjasama dan perpaduan yang semakin utuh.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Setiausaha MPKu, Tuan Hj. Ts. Azmee bin Awang; Ketua WHIP MPKu, Tuan Mohd Fadil Misnan; Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga kerja MPKu.

Kesatuan Warga MPKu Diperkasa



▲ Tuan Mohd Hafiz menekankan nilai amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan kerja

Sambutan Maulidur Rasul MPKu Raikan Anak Yatim

KULAI, 5 Disember 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW 1447H/2025M di Kediaman Rasmi Yang Dipertua MPKu dengan penuh penghayatan dan semangat kebersamaan. Bertemakan “Model Pekerja Cemerlang, Sejahtera Semua”, majlis dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu.

Perarakan tiga kontingen termasuk 16 anak yatim yang diiringi selawat membuka tirai sambutan, membawa suasana penuh syahdu ke kediaman rasmi. Majlis turut diserikan dengan penyerahan kurniaan DYAM Pemangku Sultan Johor kepada anak yatim Islam Daerah Kulai.

Selepas bacaan Al-Quran dan berzanji, majlis diteruskan dengan sesi ceramah yang menampilkan panel jemputan iaitu Ustaz

Mohamad Azamudin bin Zainal (Da'i Azam AlKankari), As Sheikh Haji Mohamad Hamizan bin Sayuti, Kadi Daerah Kulai, serta moderator Al Fadhil Abdul Manaf bin Abd Wahab, Imam Daerah Kulai.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Setiausaha MPKu, Tuan Haji Ts. Azmee bin Awang; Penolong Pegawai Daerah Kulai, Encik Asnawi bin Amat Supri; Ketua WHIP MPKu, Encik Mohd Fadil bin Misnan; Ahli-ahli Majlis serta kakitangan MPKu. Kehadiran mereka mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh nilai ukhuwah dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga perbandaran.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul ini bukan sahaja menjadi wadah memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW, malah menjadi simbol kesatuan masyarakat Kulai.



Tuan Mohd Hafiz (tengah) bersama barisan jemputan yang lain bergambar bersama sebahagian anak-anak yatim yang menerima sumbangan di majlis ini

“Kehadiran para tetamu kali ini mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh nilai ukhuwah dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga perbandaran”, ujar Tuan Mohd Hafiz



Sesi dialog ini menjadi medium perkongsian pandangan, idea serta maklum balas antara pengurusan dan kakitangan

MPKu Perkukuh Kebersamaan Melalui Dialog Tuan YDP

BANDAR PUTRA, 29 September 2025: Dewan Bandar Putra menjadi medan penuh makna apabila berlangsung Sesi Dialog Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai bersama warga kerja pada 6 Oktober 2025.

Sesi yang dipimpin oleh Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, Yang Dipertua MPKu, bersama Yang Berusaha Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu, menghimpunkan lebih 300 kakitangan daripada Gred 1 hingga Gred 4. Kehadiran yang ramai ini mencerminkan keterbukaan pihak pengurusan tertinggi dalam mendengar suara kumpulan pelaksana.

Dialog tersebut menjadi medium perkongsian pandangan, idea serta maklum balas secara langsung antara pengurusan dan kakitangan. Suasana penuh interaktif

memperlihatkan semangat kebersamaan, di mana setiap persoalan dan cadangan diberi perhatian sewajarnya.

Langkah ini jelas menunjukkan komitmen dan keprihatinan pengurusan tertinggi MPKu dalam menyantuni warga kerja, sekali gus meningkatkan motivasi serta kualiti perkhidmatan. Ia juga menjadi bukti kesungguhan untuk memacu organisasi ke arah yang lebih baik, selain memperkukuh hubungan di antara peringkat pengurusan dan kakitangan.

Majlis Perbandaran Kulai menzahirkan penghargaan atas penglibatan semua pihak, menjadikan sesi dialog ini bukan sekadar pertemuan, tetapi satu wadah penting dalam membina budaya kerja yang lebih inklusif, progresif dan berdaya saing.

JOM CASHLESS!!

KEMPEN PEMBAYARAN TANPA TUNAI

SETIAP JUMAAT, SABTU & AHAD

Kami menerima pembayaran melalui:

VISA, MyDebit, JCB, Boost, Alipay, Grab Pay, Si Pay

Hadiah Misteri

Ganjaran Misteri menanti bagi pembayaran menggunakan DuitNow QR!

Sah sehingga 31 MAC 2026

Hanya urusan pembayaran di Kaunter Majlis Perbandaran Kulai layak menyertai

DuitNow QR

Sambutan Ambang Visit Johor 2026 Daerah Kulai

DATARAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI, 31 Disember 2025: Yang Berbahagia Tuan Fizwan Bin Dato' Hj Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai telah hadir merasmikan Sambutan Ambang Visit Johor 2026 bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada malam ini.

Dalam ucapannya, program ini menandakan sokongan padu peringkat Daerah Kulai dalam menjayakan program Visit Johor 2026 selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor.

Jelasnya, usaha memperkasa sektor pelancongan negeri Johor khususnya di daerah Kulai telah dirancang dengan teliti bersama agensi-agensi berkaitan dengan kewujudan Pelan Strategik Pelancongan Daerah Kulai 2026-2030 yang akan menjadi panduan pelaksanaan gerak kerja Sektor Pelancongan Kulai yang bakal menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Johor.



Selain itu, Daerah Kulai juga mempunyai hub mobiliti pelancongan yang strategik kerana mempunyai pintu masuk udara bagi pelancong ke Negeri Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) selain mempunyai pelbagai lokasi dan produk pelancongan yang menarik seperti Johor Premium Outlet (JPO), Air Terjun Gunung Pulai, Putuo Village dan sebagainya.

Pada masa sama, Tuan Pegawai Daerah Kulai meminta semua operator pelancongan di Daerah Kulai untuk meningkatkan mutu perkhidmatan seiring usaha Kerajaan dalam menjadikan Kulai sebagai destinasi pelancongan yang menjadi pilihan utama pelancong ke selatan tanah air.



▲ **Kulai bersatu dalam semangat menjayakan program Visit Johor 2026**



▲ **Tuan Mohd Hafiz (tengah) bersama YBhg. Encik Fizwan (kanan) dan Puan Afzan (dua dari kanan) bersama rakan-rakan tetamu yang lain bergambar kenangan di photobooth Xplore Kulai**



▲ **Antara para tetamu yang hadir menjayakan program kali ini**



Logo Pelancongan Daerah Kulai

KULAI kini tampil dengan logo pelancongan yang penuh simbolik dan sarat makna. Gabungan warna merah dan biru, warna rasmi Johor, diolah dengan gradasi moden bagi menonjolkan semangat serta ketenangan, mencerminkan daerah industri berteknologi yang stabil dan harmoni.

Huruf "X" merah menjadi teras logo, melambangkan Kulai sebagai daerah ke-10 Johor, dengan semangat berani dan jiwa besar. Digabungkan dengan tulisan tangan "plore", ia membentuk maksud "Explore", menekankan kebebasan dan keseronokan dalam meneroka. Nama "KULAI" pula

ditulis dengan font tebal sans-serif berwarna biru ke putih, menegaskan kestabilan dan kemodenan daerah.

Ikon gunung menggambarkan mercu tanda Gunung Pulai, destinasi ekopelancongan utama yang menjadi tarikan pencinta alam. Sementara itu, ikon kapal terbang melambangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebagai pintu masuk pelancong dari seluruh dunia.

Logo ini merupakan hasil ciptaan En. Mohd Yassir bin Rahim, anak jati Kulai yang memenangi pertandingan mencipta logo tersebut.



▲ **En. Mohd Yassir (empat dari kiri) merupakan pemenang pertandingan mencipta logo Pelancongan Daerah Kulai**

INDAHPURA Fokus Pembangunan Mampan



INDAHPURA, 30 Oktober 2025: Indahpura menjadi tumpuan apabila Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, turun padang mengadakan lawatan kerja ke kawasan pembangunan Genting Indahpura pada 30 Oktober 2025. Lawatan ini bertujuan meninjau kemajuan pelbagai projek pembangunan yang sedang giat dilaksanakan, sekali gus memastikan setiap pelaksanaan menepati piawaian ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

Antara lokasi yang dilawati termasuk Zon 21, yang menempatkan padang bola, kawasan rekreasi dan "Show Village"; Zon 30, iaitu kawasan tasik semula jadi yang menjadi elemen tarikan utama; serta Zon 31, tapak pembangunan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ). Tuan Yang Dipertua turut meninjau status kerja jalan di hadapan Raintree Avenue dan

laluan utama berhampiran McDonald's bagi memastikan infrastruktur awam dibangunkan dengan baik demi manfaat masyarakat setempat.

Lawatan ini memperlihatkan komitmen MPKu dalam memastikan setiap projek pembangunan dilaksanakan secara teratur, mampan dan memberi impak positif kepada penduduk Kulai. Kehadiran pengurusan tertinggi bersama wakil Genting Indahpura, Jabatan Kerja Raya (JKR), pemaju, agensi serta ketua-ketua jabatan MPKu menzahirkan kesungguhan kolektif dalam menjayakan agenda pembangunan daerah.

Turut hadir ialah Yang Berusaha Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu, serta Encik Mohd Fadil Misnan, Ketua WHIP MPKu, yang bersama-sama mengiringi lawatan kerja ini.

Lawatan Kerja Pelaksanaan Projek 2025 & Perancangan 2026 MPKu



▲ YB Dato' Haji Mohd Jafni (tengah) berharap semua kerja naik taraf ini berjalan dengan lancar agar dapat memberi keselesaan kepada penduduk sekitarnya

INDAHPURA, 31 Oktober 2025: Agenda pembangunan daerah terus digerakkan dengan penuh semangat apabila berlangsung Lawatan Kerja Pelaksanaan Projek 2025 & Perancangan 2026 Majlis Perbandaran Kulai, diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, Yang Dipertua MPKu.

Lawatan ini bukan sekadar rutin pemeriksaan, tetapi simbol komitmen kepimpinan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam memastikan setiap projek pembangunan berjalan lancar, teratur dan memberi impak langsung kepada masyarakat. Antara yang diberi perhatian ialah kerja menaiktaraf Harta Bersama (turap jalan) di kawasan Pangsapuri Rakyat Jalan Cengal, Bandar Putra, yang menjadi nadi kepada keselesaan penduduk.



▲ Lawatan ini bukan sekadar rutin, ia bagi memastikan setiap projek pembangunan yang dirancang berjalan dengan lancar.

Rombongan turut meninjau pembinaan parkir tambahan dan pagar di Dewan Terbuka Rajawali Bandar Putra, dengan cadangan penambahbaikan kemudahan gelanggang futsal yang bakal memberi manfaat kepada komuniti setempat. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Bandar Putra, di mana pembinaan parkir awam di Jalan Nuri 21 telah dilaksanakan, memberi kemudahan besar kepada ibu bapa dan warga sekolah.

Turut hadir menyokong lawatan ini ialah Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu; Encik Mohd Fadil Bin Misnan, Ketua Whip MPKu; bersama Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MPKu. Kehadiran mereka memperlihatkan kesungguhan kolektif dalam menjayakan projek pembangunan yang berorientasikan kesejahteraan rakyat, menjadikan Kulai terus melangkah maju dengan penuh keyakinan.



Hari Bersama MPKu Angkat Kesedaran Alam Sekitar

46 agensi

1,388 peserta

5.63 tan sampah

▲ Majlis yang berlangsung di Dewan Raya Putra, Bandar Putra ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hafiz, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai



▲ Dengan penglibatan dari 46 agensi dari pelbagai sektor seluruh daerah Kulai, Program Jalan Angkat (Johor Bersih) dilihat telah mencapai matlamatnya dalam memupuk budaya kebersihan dalam kalangan masyarakat setempat

KULAI, 15 Disember 2025: Program Hari Bersama Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) Cipta Persekitaran Sihat dan Majlis Apresiasi Program Johor Bersih Peringkat Daerah Kulai telah berlangsung di Dewan Raya Putra, Bandar Putra, hari ini.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, Yang Dipertua MPKu, mewakili Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Acara ini diadakan bagi meraikan 46 agensi yang terlibat dalam menjayakan Program Jalan Angkat (Johor Bersih) sepanjang tahun 2025. Program tersebut melibatkan 1,388 peserta dengan jumlah kutipan sampah sebanyak 5.63 tan berjaya dikumpulkan.

Majlis turut diserikan dengan sesi menandatangani Program Kembiri Haiwan Peliharaan, yang julung kali diadakan di peringkat MPKu dengan kerjasama Milliyun Veterinary Clinic & Surgery. Inisiatif ini bertujuan mengawal populasi anjing secara lebih berkesan melalui kaedah pencegahan yang selamat dan berperikemanusiaan.

Turut hadir, Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu; Encik Mohd Fadil Bin Misnan, Ketua WHIP MPKu; Dr. Nor Amira Binti Jasmen, Doktor Veterinar Milliyun Veterinary Clinic & Surgery; serta Dato' Sri Abu Bakar Bin A. Rashid, Ahli Majlis MPKu. Kehadiran turut disertai ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, ahli-ahli majlis serta kakitangan MPKu.



KULAI FIESTA X MAJESTIC JOHOR Disambut Meriah

▲ Dari kiri, Tuan Ts. Hj. Azmee, Puan Afzan, Tuan Muhammad Nazrul, Y.Bhg Tuan Fizwan, YB Dato' Hj. Mohd Jafni, YB Dato' Hj. Pandak dan YB Tuan Arthur Chiong Sen Sern bersama-sama melancarkan Kulai Fiesta X Majestic Johor di Padang IOI Mall Kulai

▲ Program ini merupakan salah satu usaha strategik Kerajaan Negeri Johor dalam mempromosikan produk pelancongan berasaskan komuniti.

KULAI, 11 Oktober 2025: Program Kulai Fiesta Majestic Johor yang berlangsung di Padang IOI Mall Kulai hari ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Hj Mohd Jafni Md Shukor, wakil rasmi Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Program cetusan idea YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor, merupakan salah satu usaha strategik

Kerajaan Negeri dalam mempromosikan produk pelancongan berasaskan komuniti serta memperkenalkan tarikan unik luar bandar menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Daerah Kulai, Yang Berbahagia Encik Fizwan Bin Dato' Hj Mohd Rashidi; Pengarah Tourism Johor, Encik Muhammad Nazrul Bin Abd Rahim; YB Tuan Arthur Chiong Sen Sern,

ADUN Bukit Batu; YB Dato' Hj Pandak Bin Ahmad, ADUN Kota Iskandar; Puan Afzan Binti Azhari, Pentadbir Tanah Daerah Kulai; Tuan Hj. Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai; selain ketua-ketua jabatan, pegawai tadbir negeri, penghulu mukim serta para jemputan.

Majlis ini bukan sahaja menjadi platform memperkenalkan potensi pelancongan daerah, malah turut

menyaksikan pelancaran logo pelancongan Daerah Kulai yang akan digunakan sempena Tahun Melawat Johor 2026. Sekalung penghargaan turut disampaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini termasuk para penaja, sebagai tanda sokongan terhadap usaha memperkasakan Johor khususnya Daerah Kulai sebagai destinasi pelancongan unggul di Malaysia.

Program JOJ Bukit Permai Jayakan Perpaduan



▲ Kehadiran ramai masyarakat jelas menunjukkan sokongan padu terhadap usaha kerajaan negeri dalam memperkukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat

▲ Acara Konvoi Bermotor & Program Isi Minyak Percuma yang bermula dari Dewanraya Bandar Putra menuju ke Petronas Taman Desa menjadi lambang kebersamaan dan semangat kekitaan antara pemimpin dan masyarakat. Turut bersama YB Dato' Haji Mohd Jafni (tengah) ialah Tuan Mohd Hafiz (kiri) dan Tuan Fizwan (kanan)

KULAI, 11 Oktober 2025: Program Jelajah Orang Johor (JOJ) DUN Bukit Permai telah berlangsung dengan penuh jayanya, diserikan oleh kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor merangkap ADUN Bukit Permai. Program yang menghimpunkan komuniti setempat, agensi kerajaan serta kepimpinan daerah ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bermanfaat sejak awal pagi.

Acara bermula dengan Solat Subuh berjemaah, tazkirah serta penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf di Masjid Al-Mubarak, Bandar Putra sebelum diteruskan dengan pelbagai pengisian menarik termasuk Brisk Walk, Jualan Kasih Johor, konvoi motosikal, walkabout pameran agensi dan diakhiri dengan Malam Kesenian Islam. Program ini turut mendapat sambutan hangat dengan penglibatan artis

tempatan terkenal seperti Ajak Shiro, Fad Bocey, Ayai Ilusi, Azman Naim Gerhana serta kumpulan nasyid UNIC yang menambahkan lagi kemeriahan acara.

Turut hadir memeriahkan program ialah Yang Berbahagia Tuan Fizwan Bin Dato' Hj Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai; Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai; Puan Afzan Binti Azhari, Pentadbir Tanah Daerah Kulai; YDH Supt Kamaluddin Bin Othman, Timbalan Ketua Polis Daerah Kulai; bersama ketua-ketua jabatan daerah, pegawai tadbir negeri, penghulu mukim serta pemimpin tempatan di DUN Bukit Permai. Kehadiran ramai masyarakat setempat jelas menunjukkan sokongan padu terhadap usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh hubungan komuniti, kepimpinan daerah dan agensi kerajaan melalui program bersepadu seperti ini.



YB Tuan Aznan (tengah), Y.Bhg Tuan Fizwan (lima dari kiri) dan Tuan Mohd Hafiz (empat dari kanan) bersama-sama barisan tetamu VIP di atas pentas lintas hormat menyaksikan perbarisan Hari Kebangsaan



40 kontijen dari pelbagai agensi berbaris di hadapan pentas utama bagi menyaksikan upacara perasmian Sambutan Hari Kebangsaan ke-68 Tahun, peringkat daerah Kulai



BANDAR PUTRA, 31 Ogos 2025: Hutan Bandar MPKu, Bandar Putra Kulai hari ini bergema dengan sorakan dan semangat patriotik apabila lebih 40 kontinjen berarak megah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 Tahun 2025 Peringkat Daerah Kulai. Majlis penuh warna-warni itu diserikan dengan kehadiran wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor. Turut sama memeriahkan acara ialah barisan kepimpinan daerah termasuk Yang Berbahagia Tuan Fizwan Bin Dato' Hj Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai; Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu; Puan Afzan Binti Azhari, Pentadbir Tanah Daerah Kulai; YDH ACP Tan Seng Lee, Ketua Polis Daerah Kulai; As-Syeikh Tn Hj Mohd Hamizan bin Sayuti, Kadi Daerah Kulai; Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu; Datuk Pandak bin Ahmad, Adun Kota Iskandar; SUPT Tuan Kamaludin Othman, Timbalan Ketua Polis

Daerah Kulai; Dr Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, selain ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, penghulu mukim serta ahli-ahli majlis MPKu. Perarakan yang melibatkan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sekolah dan swasta itu berlangsung penuh disiplin dengan setiap kontinjen tampil segak berpakaian seragam, mempamerkan semangat juang dan kebanggaan terhadap tanah air. Sorakan rakyat berbilang kaum yang membanjiri Hutan Bandar MPKu menambahkan lagi aura kebersamaan, menjadikan sambutan kali ini bukan sekadar acara rasmi, tetapi simbol perpaduan dan kecintaan terhadap negara. Sambutan berakhir dengan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah berganding bahu menjayakan acara berprestij ini, sekali gus mengangkat Kulai sebagai daerah yang teguh menyemarakkan semangat Hari Kebangsaan.



Tuan Mohd Hafiz (lima dari kiri) mengambil peluang bergambar kenangan bersama penduduk-penduduk Bandar Putra selepas meninjau kerja-kerja pembaikan fasiliti di kawasan sekitarnya

KULAI, 1 November 2025: Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Tuan Hafiz Bin Aliman bersama isteri telah disambut oleh Ketua Whip MPKu, Encik Fadil Misnan dan Ahli Majlis Zon 7, Hajah Nadia Aziz di Pos CP Bandar Putra dalam lawatan meninjau kerja-kerja pembaikan fasiliti komuniti.

Lawatan santai malam minggu itu merupakan inisiatif tambahan oleh Tuan Yang Dipertua sebagai kesinambungan daripada program rasmi jabatan, dengan tujuan mendekati masyarakat serta meninjau sendiri keadaan perbandaran. Selepas tinjauan di Bandar Putra, rombongan meneruskan lawatan ke Medan Penjaja Mingguan Hutan Bandar MPKu, di

mana Tuan Yang Dipertua bersama dif-dif lain beramah mesra dengan para peniaga Santai Malam Hutan Bandar. Dalam kesempatan tersebut, beliau bersama Encik Fadil Misnan dan Hajah Nadia Aziz turut menyampaikan apron kebersihan penjaja serta risalah rasmi jabatan kepada peniaga sebagai simbol sokongan terhadap usaha kebersihan dan imej perbandaran.

Pelbagai maklum balas daripada penjaja turut dikongsi sepanjang sesi itu, khususnya berkaitan aspek keselesaan berterusan kepada pengunjung Hutan Bandar MPKu. Majlis Perbandaran Kulai menegaskan komitmen untuk terus menambah baik perkhidmatan demi kesejahteraan komuniti setempat.



Tuan Mohd Hafiz (tengah) dan Hajah Nadia (kiri) mengambil kesempatan beramah mesra bersama penjaja-penjaja di Hutan Bandar MPKu sambil mendengar maklum balas daripada mereka berkaitan aspek keselesaan dan kebersihan di situ



BANTUAN KASIH JOHOR Ringankan Beban Rakyat Kulai

KULAI, 3 Disember 2025: Majlis Penyerahan Bantuan Kasih Johor kepada Ketua Isi Rumah (KIR) e-Kasih, golongan miskin dan miskin tegar Daerah Kulai berlangsung penuh makna di Pejabat Daerah Kulai hari ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Seramai 609 penerima daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) – Senai, Bukit Batu dan Bukit Permai – telah menerima bantuan yang disalurkan. Selain itu, seramai 28 orang terdiri daripada ketua kampung dan wakil masyarakat turut menerima Bantuan Khas Kewangan sebagai pengiktirafan terhadap peranan mereka dalam menggerakkan komuniti setempat.

Majlis ini memperlihatkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan

kebijakan rakyat terus menjadi agenda utama, khususnya bagi golongan yang memerlukan. Bantuan yang disalurkan bukan sahaja meringankan beban penerima, malah menjadi simbol keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan masyarakat Kulai.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berbahagia Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman; ketua-ketua jabatan, penghulu mukim serta ketua-ketua kampung Daerah Kulai. Kehadiran mereka mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh jaringan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Majlis Penyerahan Bantuan Kasih Johor ini sekali lagi menegaskan bahawa setiap lapisan masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah, tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan negeri.

KARNIVAL KEBUDAYAAN JOHOR Tarik Lebih 2,000 Pengunjung

SENAI, 6 Disember 2025: Karnival Kebudayaan & Kesenian Bangsa Johor 2025 berlangsung meriah di Senai dengan kehadiran lebih 2,000 pengunjung termasuk tetamu antarabangsa dari Singapura, Indonesia, Rusia, China, India, Nepal dan Bangladesh. Acara tahun kedua ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, selaku wakil rasmi Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan berjumlah RM1,000 kepada tujuh buah sekolah di daerah Kulai termasuk di Sedenak, Kee Lan, Kangkar Pulai dan Kelapa Sawit. Hadiah juga disampaikan

kepada pemenang pertandingan yang dianjurkan sepanjang karnival.

Karnival ini menyerlahkan Johor sebagai pusat budaya dinamik dengan potensi besar dalam pelancongan budaya, selain memupuk nilai perpaduan dan semangat Maju Johor sebagai asas keharmonian masyarakat.

Turut hadir ialah YB Tuan Wong Bor Yang, Adun Senai; YBhg Tuan Nagaraju, Pengerusi Yayasan Venture Malaysia Berhad; YBhg Dato Siva Chandran, Ketua MIC Bahagian Kulai merangkap Ahli Majlis MPKu; YBhg Encik P Shanmatha Kumaran, Ahli Majlis MPKu; serta Bakthi Mukunda Maharaj dari ISCKON Malaysia.



▲ Laungan semangat perpaduan berkumandang di akhir acara, menjelaskan lagi tekad perpaduan antara kaum dikalangan komuniti Kulai



▲ Dewan Mini Cendana yang diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Kulai ini akan memberi manfaat kepada penduduk sekitarnya



▲ Penyerahan ini disaksikan oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni (tengah) dengan simbolik penyerahan replika kunci daripada Tuan Lim Beng Yeang (tiga dari kanan) kepada Tuan Mohd Hafiz (tiga dari kiri)

DEWAN MINI CENDANA bukti kerjasama erat MPKu - IOI Properties

KULAI, 16 Ogos 2025: Majlis Penyerahan Dewan Mini Cendana daripada IOI Properties kepada Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) berlangsung penuh meriah dan bersejarah apabila disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Penyerahan ini bukan sekadar simbolik, ia mencerminkan komitmen pihak pemaju dalam menyokong pembangunan komuniti setempat. Dewan yang serba baharu itu akan diuruskan sepenuhnya oleh MPKu dan dimanfaatkan sebagai ruang aktiviti sosial serta kemasyarakatan, sekali gus menjadi nadi baharu kepada penduduk sekitar.

Majlis yang dihadiri lebih 150 peserta termasuk kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan, wakil syarikat pemaju serta penduduk Rumah Mampu Milik Johor

(RMMJ) Cendana, berlangsung dalam suasana penuh keterujaan. Kehadiran para tetamu kehormat turut menyerikan acara, antaranya Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman; Setiausaha MPKu, Tuan Hj. Ts. Azmee bin Awang; Pentadbir Tanah Daerah Kulai, Puan Afzan binti Azhari; Chief Operating Officer IOI Properties, Tuan Lim Beng Yeang; Head of BU Kulai Precinct, Tuan Kelvin Tang Yong Teck; serta Ketua WHIP MPKu, Tuan Mohd Fadhil bin Misnan.

Majlis ini bukan sahaja memperkukuh hubungan strategik antara pihak berkuasa tempatan dan pemaju, malah menjadi lambang kerjasama erat dalam menyediakan kemudahan berkualiti untuk kesejahteraan masyarakat. Dewan Mini Cendana kini berdiri sebagai bukti nyata bahawa pembangunan fizikal mampu membawa makna besar kepada kehidupan komuniti.



PEMANTAUAN BERSEPADU Elak Pencemaran Air

KULAI, 20 November 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah melaksanakan operasi pemantauan bersepadu bagi mengawal pencemaran daripada aktiviti kuari dan aktiviti berkaitan di kawasan Jalan Gunung Pulai. Lawatan ini diketuai oleh Setiausaha MPKu, Tuan Haji Ts. Azmee bin Awang bersama jabatan teknikal MPKu, Pejabat Tanah Daerah Kulai, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Pemantauan ini bertujuan memastikan pengusaha kuari melaksanakan kawalan pencemaran alam sekitar secara optimum, khususnya terhadap sistem saliran berhampiran dan Jalan Gunung Pulai.

Pengusaha kuari diberikan tempoh tujuh hari untuk mengambil tindakan segera

bagi meningkatkan kawalan kebersihan dan keselamatan di persimpangan jalan keluar masuk kuari. Selain itu, dalam tempoh dua bulan, pengusaha dikehendaki menaik taraf persimpangan jalan keluar masuk serta menyediakan sistem pencucian yang lebih efektif mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya.

Pengusaha kuari turut diingatkan agar sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Daerah Kulai dan agensi berkaitan semasa menjalankan operasi pengkuarian. Pemantauan dan pemeriksaan berkala akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan dan pematuhan sentiasa terjaga.



▲ Aktiviti pengkuarian, jika tidak dipantau dan dikawal boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar yang serius

Tuan Haji Ts. Azmee (dua dari kiri) sedang menerangkan risiko-risiko yang mungkin akan terjadiandainya sistem pengaliran air di sekitar kuari tidak dipantau dan diselenggara dengan baik



MPKu Tegas

Pantau Premis Makanan

INDAHPURA, 9 Julai 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Premis Makanan di Medan Selera Jalan Kiang, Indahpura, sebagai langkah memastikan pematuhan terhadap aspek keselamatan makanan dan peraturan perlesenan. Operasi ini memberi tumpuan kepada pemeriksaan syarat pelesenan, kaedah penyediaan makanan, tahap kebersihan premis, pematuhan permit pembinaan serta penggunaan papan iklan yang sah.

Hasil operasi menyaksikan pelbagai notis dan kompaun dikeluarkan mengikut

peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKu 2019, Undang-Undang Kecil Iklan MDK 1982 serta kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). MPKu menetapkan tempoh 10 hari kepada pemilik premis dan peniaga untuk mengambil tindakan pembetulan serta memastikan tahap kebersihan dan pematuhan kekal dipelihara.

Operasi ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak berkuasa tempatan dalam memastikan keselamatan pengunjung serta menegakkan standard kebersihan di premis makanan.

JADUAL KAUNTER BERGERAK



TARIKH	MASA	TEMPAT
28/01/2026 (Rabu)	11.00 am - 4.00 pm	Dewanraya Taman Manis, Kelapa Sawit
31/01/2026 (Sabtu)	10.00 am - 2.00 pm	Surau Taman Scientex
04/02/2026 (Rabu)	11.00 am - 4.00 pm	TJ Mart
07/02/2026 (Sabtu)	10.00 am - 2.00 pm	Pasar Awam, Kelapa Sawit
08/02/2026 (Sabtu)	10.00 am - 2.00 pm	Balairaya, Kg. Baru Saleng
11/02/2026 (Rabu)	10.00 am - 2.00 pm	Surau Al-Falah, Pulai Jaya
14/02/2026 (Sabtu)	10.00 am - 2.00 pm	Dewan Kg. Baru Seelong
15/02/2026 (Ahad)	10.00 am - 2.00 pm	Dewan Serbaguna, Kg. Baru Sedenak
21/02/2026 (Sabtu)	10.00 am - 2.00 pm	
22/02/2026 (Ahad)	10.00 am - 2.00 pm	

Tom Bayar Tukai

SEKOLAH ANGKAT MADANI



RM141,270 Disalurkan untuk SK Sinar Bahagia

FELDA TAIB ANDAK, 8 Disember 2025: Majlis Penyerahan Sekolah Angkat Madani (SAM) berlangsung di Dewan Sinar, Sekolah Kebangsaan Sinar Bahagia dengan penyerahan rasmi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib.

Sebanyak RM141,270 diperuntukkan bagi pembangunan fizikal dan

transformasi ruang sekolah. Daripada jumlah itu, RM100,000 disalurkan untuk penyelenggaraan dan pembaikan, manakala PRIMA Malaysia menyumbang RM19,400 melalui projek CSR bagi kerja-kerja bangunan serta sistem elektrik dan mekanikal. URBANICE Malaysia pula memperuntukkan RM21,870 untuk naik taraf landskap gazebo, laluan madani dan mural sekolah.



▲ Upacara penyerahan dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Wira Dr. M Noor Azman (tiga dari kiri) sambil disaksikan oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni dan tetamu VIP yang lain



Turut hadir ialah YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor; Tuan Haji Zulkeflee bin Sulaiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti); Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu; Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Pendidikan Negeri Johor; serta guru besar SK Sinar

Bahagia, Puan Zaifirus Sinar Suriati binti Mahmud bersama ketua jabatan, ahli majlis, penghulu, guru, ibu bapa dan pelajar.

Majlis ini menzahirkan komitmen KPKT dan agensi berkaitan dalam memastikan keselesaan pelajar serta memperkukuh peranan sekolah sebagai pusat pembangunan komuniti.

140 MURID Sertai Program Celik Siber Kulai

KG. MELAYU, 9 September 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Kulai menganjurkan Program Celik Keselamatan Siber Kanak-Kanak Makmur Johor 2025 di Dewan Raya MPKu, Kampung Melayu. Program dirasmikan oleh Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman dengan kehadiran Ahli Majlis Zon 16, Haji Nazlie bin Abd Razak.

Seramai 140 murid dan 8 guru pengiring daripada enam sekolah rendah sekitar Kulai menyertai program ini yang menekankan kesedaran terhadap ancaman

siber serta penggunaan internet selamat. Ceramah turut disampaikan oleh kaunselor JKM, IPD PDRM Kulai dan SKMM Johor. Program ini sejajar dengan Kempen Kami Anti Buli, Buli Bukan Budaya Johor serta usaha berterusan memperkukuh perlindungan kanak-kanak.

Turut hadir ialah Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kulai, Puan Norain binti Norazmi; Bendahari PPKK, Hajah Noraziah binti Haji Saadon; Pengerusi PPKK, Haji Mohd Halim Ridhaudin Abd Manap; serta Tuan Koh Kia Yeow dari IPD PDRM Kulai.



▲ Tuan Mohd Hafiz, dalam ucapan perasmian, menyeru para pelajar agar lebih berhati-hati dalam penggunaan kemudahan internet

HENTIKAN BUDAYA BULI Demi Kulai yang Harmoni



▲ Tuan Mohd Hafiz, Yang Dipertua MPKu (tiga dari kanan) berharap agar budaya buli ini dihapuskan terus demi kesejahteraan masyarakat Kulai khususnya

KULAI, 21 Ogos 2025: Demi kedamaian dan keharmonian di bumi Kulai, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) menyeru seluruh masyarakat agar bersatu hati menghentikan budaya buli yang meracuni jiwa dan merosakkan keharmonian. Seruan ini bukan sekadar kata-kata, tetapi satu amanah besar demi membina persekitaran yang selamat, penuh kasih sayang, saling menghormati dan sejahtera.

Budaya kejam seperti buli tidak boleh sekali-kali dinormalisasikan dalam kehidupan seharian. Ia adalah luka yang menular, mampu mencengkam mangsa di sekolah, di tempat kerja, malah di tengah

komuniti kita sendiri. MPKu menegaskan, setiap insan memikul tanggungjawab untuk cakna dan peka terhadap gejala ini, kerana kealpaan hanya akan membuka ruang kepada penindasan berterusan.

Ayuh, kita bangkit bersama! Dengan keprihatinan dan tindakan kolektif, masyarakat Kulai mampu membentuk benteng kukuh menolak budaya penindasan. Inilah masa untuk kita menegaskan maruah, membina bandar yang aman, selamat dan harmoni, membentuk sebuah Kulai yang bebas daripada bayangan buli, demi generasi hari ini dan masa depan.

1,000 Minuman Keras Hasil Sitaan Dilupuskan

KULAI, 18 November 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada hari ini telah melupuskan lebih 1000 unit minuman keras hasil sitaan melalui Jabatan Penguatkuasaan dan Pelesenan MPKu, melibatkan rampasan sepanjang tahun 2024 dan 2025 daripada premis yang tidak mempunyai kelulusan serta peniaga warga asing.

Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, menegaskan ketegasan pelaksanaan penguatkuasaan terhadap salah

laku ini akan terus dikekalkan, dengan konsistensi membendung agar perkara sama tidak berulang. Beliau menekankan bahawa tindakan ini adalah bukti komitmen MPKu dalam memastikan undang-undang dipatuhi serta kesejahteraan masyarakat terpelihara.

Proses pelupusan tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua bersama Setiausaha MPKu, Tuan Haji Ts. Azmee Bin Awang, serta Ketua Whip MPKu, Encik Mohd Fadil Bin Misnan.



▲ Tuan Haji Ts. Azmee mencuba menggunakan mesin pengorek-kaut bagi melupuskan botol-botol arak sambil diperhatikan oleh Tuan Mohd Hafiz



KULAI, 19 Ogos 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) bersama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor (JIM) telah mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan bagi menetapkan hala tuju penguatkuasaan kawalan warga asing di daerah Kulai. Sesi ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPKu, Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, bagi menyambut kehadiran delegasi JIM Negeri Johor yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, Tuan Norfaizal bin Rahim.

Perbincangan ini menjadi titik permulaan yang positif antara kedua-dua pihak dalam memperkukuh persefahaman serta memperjelas bidang kuasa

masing-masing berkaitan gerak kerja penguatkuasaan terhadap warga asing yang melanggar peraturan dan undang-undang. Usaha ini diharap dapat meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat, khususnya di bawah pentadbiran MPKu.

Pihak MPKu turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran delegasi JIM dalam memperkukuh kerjasama serta pemerkasaan aspek penguatkuasaan. Turut hadir dalam sesi ini ialah Yang Berusaha Tuan Hj. Ts. Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu; Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Ahli Majlis MPKu; Ahli Majlis serta Ketua-Ketua Jabatan berkaitan.

3 LANGKAH MUDAH MEMBUAT ADUAN SISPAA

<http://mpkulai.spab.gov.my>

- 1 Sila Layari**
Sila layari mpkulai.spab.gov.my/eApps/system/index.do
- 2 Tekan menu "Aduan/Maklum Balas Baharu"**
- 3 Lengkapkan butiran diborang aduan sebelum klik butang "Hantar"**

Sila Imbas kod QR bagi PANDUAN PENGGUNA

Sila Imbas kod QR bagi PENDAFTARAN BAHARU



▲ Pegawai Penguatkuasa MPKu sedang memeriksa peralatan-peralatan yang disita dalam salah satu serbuan ke atas pusat hiburan di Bandar Putra

Premis Hiburan Tanpa Lesen Disita

KULAI, 19 Ogos 2025: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulai telah menjalankan Operasi Bersepadu Premis Hiburan Daerah Kulai bagi membanteras aktiviti hiburan tanpa lesen.

Dalam operasi tersebut, lima premis pusat snuker di Bandar Putra dan satu premis di Taman Scientex Kulai telah diarahkan tutup serta-merta dan disita kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen. Tindakan ini diambil mengikut peruntukan

di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 Negeri Johor serta Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MPKu 2019.

Selain itu, pelbagai notis dan kompaun turut dikeluarkan atas kesalahan lain mengikut ketetapan undang-undang jabatan dan agensi yang berkuasa. MPKu memaklumkan bahawa operasi seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa, khususnya terhadap premis tidak berlesen dan mereka yang melanggar arahan.

Kulai Fast Lane Dipamerkan di Putrajaya



▲ Y.Bhg Tan Sri Shamsul Azri menulis kata-kata amanat bagi menaikkan lagi semangat pegawai-pegawai KFL MPKu untuk terus maju ke hadapan

▲ Y.Bhg Dato' Mohd Nizam, Ketua Jabatan Pembangunan MPKu sedang memberikan taklimat berkenaan KFL kepada pengunjung yang hadir

PUTRAJAYA, 10 September 2025 – Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah menjadi wakil Johor dalam mempamerkan inisiatif Kulai Fast Lane (KFL) di Simposium Penilaian Strategik Setahun Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) 2025 anjuran MPC Wilayah Selatan. Simposium ini menampilkan pelbagai inisiatif reformasi perkhidmatan awam termasuk sesi konsultasi bersama wakil industri dan NGO.

Bersempena setahun pelaksanaan ARPA yang diperkenalkan oleh Ketua

Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, beliau turut menyampaikan amanat bahawa, “*Janganlah kamu berputus asa, sesungguhnya harapan itu adalah kunci yang membuka segala pintu kebaikan.*”

ARPA merupakan kerangka strategik menyeluruh bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam ke arah lebih cekap, berintegriti dan berfokus rakyat. Penjawat awam digesa mendukung ARPA sebagai asas reformasi dalam membina perkhidmatan awam berprestasi tinggi,

responsif dan inovatif demi kesejahteraan rakyat serta masa depan negara.

MPKu menyokong pelaksanaan ARPA dengan menampilkan penambahbaikan KFL kepada Johor Super Lane (JFL) di pameran tersebut, mencerminkan komitmen berterusan ke arah sistem penyampaian awam yang lebih cekap, responsif dan berteraskan produktiviti nasional.

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada hadirin yang menyokong inisiatif KFL, antaranya Ketua Setiausaha Negara, Ketua Polis Negara,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah), Presiden Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Pengarah Bahagian Reformasi Sektor Awam JPA, wakil rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, pelabur dan pemain industri.



▲ Tuan Haji Ts. Azmee sedang memberikan penerangan ringkas mengenai Intelligent OSC Meeting (IOM) kepada YB Dato' Haji Mohd Jafni dan para tetamu yang lain di Pavilion MPKu

▲ Tuan Mohd Hafiz (lima dari kiri) bersama barisan Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan, Majlis Perbandaran Kulai, menunjukkan tanda sokongan kepada usaha MPKu mengimplimentasikan teknologi kepintaran buatan (AI) dalam pelbagai urusan pejabat


JOHOR BAHRU, 22 September 2025 – Johor Smart City Forum (JSCF 2025) bermula di Persada International Convention Centre, Johor Bahru, berlangsung tiga hari hingga 24 September. Forum anjuran PLANMalaysia @ Johor bersama agensi negeri dan pihak berkuasa tempatan ini menghimpunkan kerajaan, akademik, industri serta rakan antarabangsa bagi memperkukuh aspirasi Johor sebagai negeri pintar dan mampan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md

Shukor, yang menekankan kepentingan forum sebagai wadah perkongsian ilmu dan teknologi bandar pintar.

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) turut mempamerkan sistem Intelligent OSC Meeting (IOM) yang mengintegrasikan dokumen fizikal, borang dalam talian dan GIS bagi mengautomasikan proses pelan pemajuan. Kehadiran YB Dato' Haji Mohd Jafni ke Pavilion MPKu disambut oleh Yang Dipertua MPKu, YBhg Tuan Mohd Hafiz bin Aliman bersama kepimpinan dan warga kerja MPKu.

“MPKu mempamerkan inisiatif Intelligent OSC Meeting (IOM) yang mengintegrasikan dokumen fizikal dengan sistem digital...”





KEJOHANAN MEMANAH Sukan 4 Penjuru MPKu 2025

▲ **Y.Bhg Dato’ Mohd Nizam menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat pertama dan kedua**

LAGENDA PUTRA, 10 November 2025: Lapang Sasar Memanah Surau Abu Bakar As Siddiq, Lagenda Putra, Kulai menjadi saksi penganjuran Kejohanan Memanah Sukan 4 Penjuru Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) 2025, sempena meraikan semangat Johor Aktif dan Hari Sukan Negara.

Seramai 50 pemanah berdaftar melalui Urusetia Kelab Sukan MPKu mengambil bahagian dalam tiga acara pertandingan, mewakili empat kontijen jabatan yang menghantar wakil masing-masing.

Kejohanan ini merupakan kesinambun-

gan daripada acara memanah warisan tahun lalu, namun kali ini penyertaan dibuka khusus kepada warga kerja MPKu sahaja.

Menurut penganjur, sukan memanah bukan sahaja menyatukan warga kerja, malah menjadi riadah sihat yang meningkatkan kerjasama, motivasi serta semangat kesukanan dalam kalangan peserta.

Pihak MPKu menjangkakan kejohanan ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan acara Pemanah Warisan LA21, sebagaimana tradisi yang telah dimulakan sebelum ini.



▲ **Penyertaan sukan memanah kali ini hanya dibuka khusus kepada warga kerja MPKu sahaja dengan jumlah pemanah seramai 50 orang**

“Menjunjung Tradisi, Membina Juara, Menyatukan Perbandaran”



▲ **Piala yang menjadi rebutan jaguh-jaguh sepak takraw di kalangan masyarakat Kulai**



▲ **Juara Kejohanan Sepak Takraw Piala Yang DiPertua MPKu 2025**

LIBASAN JUARA 24 Pasukan Berentap

KULAI, 13 Disember 2025: Kejohanan Sepak Takraw Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) 2025 berlangsung meriah dengan semangat kesukanan tinggi, sekali gus menghidupkan kembali tradisi sukan rakyat yang dekat di hati masyarakat Kulai.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Mohd Hafiz bin Aliman, Yang Dipertua MPKu, bersama Yang Berusaha Tuan Haji Ts Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu. Kehadiran kepimpinan MPKu mencerminkan sokongan berterusan terhadap aktiviti sukan dan program komuniti setempat.

Turut hadir memeriahkan kejohanan ialah Encik Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Whip MPKu; Dato’ Sri Haji Abu Bakar bin A. Rashid, Ahli Majlis MPKu Zon Seelong; Tuan Haji Nazlei bin Abd Razak, Ahli Majlis MPKu Zon Kampung Melayu; serta ketua-ketua jabatan, warga kerja MPKu dan masyarakat pencinta sukan takraw.

Sebanyak 24 pasukan mengambil bahagian, dengan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM5,000 menjadi rebutan. Tahniah diucapkan kepada pasukan yang berjaya muncul juara, serta penghargaan kepada barisan pengadil, pasukan teknikal dan seluruh warga Kulai yang menjadikan kejohanan ini sebuah kejayaan berprestij.

Stadium MPKu jadi saksi JDT IV Julang Piala Belia 2025

SUKAN @ KULAI


▲ Tuan Mohd Hafiz bersama-sama pasukan JDT IV meraikan kemenangan merangkul Piala Belia buat kali kedua berturut-turut

KULAI, 1 November 2025: Stadium Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mencipta sejarah apabila menjadi saksi kejayaan gemilang Johor Darul Ta'zim IV (JDT IV) mempertahankan kejuaraan Piala Belia 2025 dengan kemenangan luar biasa 10-0 ke atas Kuching City.

Kemenangan besar ini mengesahkan JDT IV sebagai juara liga dengan kutipan 71 mata keseluruhan, sekali gus mengekalkan

mahkota kejuaraan buat dua musim berturut-turut selepas kejayaan sulung pada tahun 2024.

Sebagai "Home of JDT IV" sejak 2018, Stadium Taman Putri Kulai terus menyerlah sebagai venue sukan bertaraf profesional hasil usaha berterusan MPKu menaik taraf fasiliti – padang mengikut spesifikasi profesional, bilik persalinan dan gimnasium lengkap, ruangan parkir luas serta mural

berwarna-warni yang menceriakan suasana.

Turut menjadi tarikan baharu ialah Galeri Pameran Kejayaan JDT IV, menampilkan rentetan pencapaian pasukan sejak penubuhannya, menjadikan stadium ini bukan sekadar gelanggang perlawanan tetapi juga pusat penghargaan bola sepak muda Johor.

Kejayaan ini turut diserikan dengan penghargaan kepada Tuan Yang Dipertua

▲ Kehadiran penyokong-penyokong JDT IV harus dipuji kerana turut memberi semangat kepada pasukan tuan rumah

MPKu, Tuan Mohd Hafiz Bin Aliman, yang juga Pengurus Pasukan JDT IV, atas kepimpinan dan sokongan beliau membawa pasukan ke puncak kejayaan.

Dengan kemudahan serba lengkap dan sorakan penyokong yang membara, Stadium MPKu terus membuktikan keupayaannya sebagai venue pilihan utama perlawanan berprestij serta lambang kebanggaan warga Kulai.



*Sumber gambar : FB JOHOR Southern Tigers



KULAI - Stadium Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) kini menampilkan sebuah galeri khas yang dikenali sebagai Galeri Stadium JDT IV. Galeri ini dibangunkan sebagai usaha memperingati kejayaan kelab, memperkenalkan sejarahnya kepada generasi baharu, serta memberikan pengalaman unik kepada para peminat dan pengunjung yang hadir. Ia bukan sekadar ruang pameran, tetapi sebuah monumen yang mengabadikan perjalanan JDT dan JDT IV sebagai kelab paling berjaya di negara ini.

Rekabentuk galeri ini menonjolkan identiti JDT dengan penggunaan warna merah dan biru yang melambangkan kehebatan Bangsa Johor, kesungguhan pasukan serta kepimpinan yang berterusan. Corak belang harimau yang sinonim dengan gelaran Harimau Selatan menghiasi pintu masuk dan panel pameran, menggambarkan semangat juang serta keterujaan kepada pengunjung. Panel pameran pula diilhamkan daripada bentuk hexagon yang menyerupai permukaan bola, menjadikan

setiap informasi lebih menarik dan tersusun. Bumbung separa-lengkung yang menyerupai struktur Stadium Sultan Ibrahim turut diterapkan, dengan susunan warna merah dan biru berselang-seli bagi menimbulkan aura dan mood stadium kebanggaan Johor.

Galeri ini juga menampilkan inspirasi daripada kepimpinan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, yang telah membawa transformasi luar biasa kepada JDT. Di bawah visi baginda, kelab ini memperkenalkan struktur pengurusan profesional, membina fasiliti bertaraf dunia, serta melaksanakan sistem pembangunan pemain muda yang menyeluruh. Paparan teks titah ringkas baginda turut dipamerkan di galeri ini sebagai sumber inspirasi dan semangat kepada pasukan serta penyokong.

Galeri Stadium JDT IV sudah pasti akan menyemarakkan lagi semangat penyokong dan menggerunkan pihak lawan yang bertandang.